

## **GARIS PANDUAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN 2019** **POLITEKNIK METR0 KUALA LUMPUR**

**Majlis Konvokesyen 2019** akan diadakan pada **27 Julai 2019 (Sabtu)** jam **9.30 pagi** bertempat di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki (IAB) Cawangan Genting Highlands. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para Graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

### **JAWAPAN KEHADIRAN**

#### **1.1 Graduan Yang Hadir**

Graduan yang bersetuju untuk menghadiri majlis konvokesyen ini perlu mengikut arahan-arahan berikut :

- 1.1.1 Mengisi **Surat Jawapan Kehadiran (AKAN HADIR)**.
- 1.1.2 Membuat pembayaran ke akaun **KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BERHAD - (No. Akaun: 562188304569)** berjumlah **RM250.00** di mana-mana cawangan **MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)** dengan menggunakan kaedah **Internet Perbankan/ATM/CDM**. Sila tuliskan **Nama, No Pendaftaran Pelajar** dan **No. Kad Pengenalan** di bahagian **belakang salinan slip pembayaran** bank tersebut.
- 1.1.3 Sila **KEMBALIKAN BORANG JAWAPAN SERTA SLIP BAYARAN ASAL sebelum atau pada 28 Jun 2019 (Jumaat)**.
- 1.1.3 Menghantar **Surat Jawapan Kehadiran** dan **Salinan Asal slip pembayaran** secara **Pos Laju ATAU Serahan Tangan** yang sudah ditulis Nama, No Pendaftaran Pelajar dan No. Kad Pengenalan di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut dan dialamatkan ke:

**Pengurusan Graduan Majlis Konvokesyen 2019**  
**Unit Hal Ehwal Pelajar**  
**Politeknik METR0 Kuala Lumpur**  
**No 2-14, Jalan Setiawangsa 10**  
**Taman Setiawangsa,**  
**54200 Kuala Lumpur**

- 1.1.5 Menghadiri **taklimat tatacara pengisian borang Kajian Pengesahan Graduan (SKPG)**. Rujuk Para 2 (Sistem Kajian Pengesahan Graduan).

## **1.2 Graduan Yang Tidak Hadir**

Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen 2019 perlu mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 1.2.1 Mengisi Surat Jawapan Kehadiran (TIDAK HADIR)**
- 1.2.2 Membuat pembayaran ke akaun KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BERHAD - (No. Akaun : 562188304569) berjumlah RM150.00 di mana-mana cawangan MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK) dengan menggunakan kaedah Internet Perbankan/ATM/CDM. Sila tuliskan Nama, No Pendaftaran Pelajar dan No. Kad Pengenalan di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut.**
- 1.2.3 Menghantar Surat Jawapan Kehadiran (TIDAK HADIR) dan Salinan Asal slip pembayaran secara Pos Laju ATAU Serahan Tangan yang sudah ditulis Nama, No Pendaftaran Pelajar dan No. Kad Pengenalan di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut sebelum atau pada 28 Jun 2019 (Jumaat) dan dialamatkan ke:**

**Pengurusan Graduan Majlis Konvokesyen 2019**

**Unit Hal Ehwal Pelajar**

**Politeknik METrO Kuala Lumpur**

**No 2-14, Jalan Setiawangsa 10**

**Taman Setiawangsa,**

**54200 Kuala Lumpur**

- 1.2.4 Menghadiri taklimat tatacara pengisian borang Kajian Pengesahan Graduan (SKPG). Rujuk para 2 (Sistem Kajian Pengesahan Graduan).**

## **2 SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)**

Sistem Kajian Pengesanan Graduan melibatkan dua kategori lulusan iaitu ;

2.1 Lulusan yang **BEKERJA / BEKERJA SEMENTARA / BEKERJA SENDIRI SAMA ADA IKUT BIDANG @ TIDAK IKUT BIDANG, MELANJUTKAN PENGAJIAN, MENINGKATKAN KEMAHIRAN serta MENUNGGU PENEMPATAN PEKERJAAN** diwajibkan hadir dan memilih salah satu tarikh dan masa untuk mengisi borang Kajian Pengesanan Graduan 2019 secara *online* di **PMKL** berdasarkan jadual yang ditetapkan dibawah :

Aktiviti	Tarikh/Masa	Lokasi
Mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan	15, 16, 17, 18 dan 19 Julai 2019  Sesi 1 : 8.30 pagi – 10.30 pagi Sesi 2 : 10.30 pagi – 12.30 tengah hari Sesi 3 : 12.30 tengah hari – 2.30 petang Sesi 4 : 2.30 petang – 4.30 petang	MKB 3 & MKB 4

2.2 Lulusan yang **BELUM/TIDAK BEKERJA**

Graduan **HANYA** perlu isi borang **GRADUAN BELUM BEKERJA** dengan cara menghubungi Pegawai SKPG PMKL.

**Kegagalan graduan** melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan boleh menyebabkan:

- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah
- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen
- Graduan **TIDAK AKAN MENERIMA** sijil konvokesyen dan transkrip.

Sebarang pertanyaan berkaitan **SKPG SAHAJA**, sila hubungi:

Nama Pegawai : Pn Zalina binti Mohd Aris

No.Telefon : 012-2020272 (*Whatsapp*)

## **3 PENDAFTARAN RAPTAI DAN ANUGERAH PINGAT KETUA JABATAN (APKJ)**

3.1 Semua Graduan yang akan hadir ke Majlis Konvokesyen 2019 **WAJIB** menghadiri upacara raptai Konvokesyen dan Anugerah Pingat Ketua Jabatan (APKJ) yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Aktiviti/Perkara</b>	<b>Lokasi</b>
18 Julai 2019 (Jumaat)	2.00 petang – 4.00 petang	Anugerah Pingat Ketua Jabatan (APKJ) – Penerima APKJ sahaja	Bilik Tutorial 1-3 PMKL
26 Julai 2019 (Jumaat)	2.45 petang – 3.15 petang	Pendaftaran Graduan	Auditorium Dato' Razali Ismail, IAB
	3.15 petang – 4.30 petang	Raptai Penuh	Auditorium Dato' Razali Ismail, IAB

- 3.2 Graduan akan diberikan perkara berikut semasa pendaftaran tersebut
- i. Pas masuk Ibubapa ke dalam dewan
  - ii. Cenderahati
- 3.3 Graduan **WAJIB** menghadiri raptai pada waktu yang telah ditetapkan.
- 3.4 Penampilan diri hendaklah kemas dan bersopan sebagai graduan (berpakaian formal) semasa raptai.
- 3.5 Bagi penerima APKJ, pelajar **lelaki** hendaklah berkemeja, bertali leher dan memakai sepatu ATAU berbaju Melayu, bersampin dan bersongkok. Pelajar **perempuan** hendaklah berbaju kurung/baju kebangsaan dan memakai kasut bertutup.
- 3.5 Graduan yang tidak hadir atau tidak mendaftar semasa hari raptai serta tidak mengikut peraturan seperti yang ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

#### **4 IBUBAPA/ TETAMU GRADUAN**

- 4.1 Bilangan tetamu atau ibubapa graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai 2 orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 4.2 **Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.**
- 4.3 Ibubapa / tetamu jemputan perlu **berpakaian rasmi/kebangsaan dan sopan** semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen. (Pakaian kasual seperti jeans,Tshirt, blouse, selipar dan lain-lain tidak dibenarkan).
- 4.4 Ibubapa / tetamu Graduan **Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)** perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya pada pukul **9.30 pagi**. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi memastikan kelancaran majlis.
- 4.5 Ibubapa / tetamu graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen 2019 untuk masuk ke dalam dewan.

## **5 JUBAH KONVOKESYEN**

### **5.1 Penerimaan dan Pemulangan Jubah**

Aktiviti	Tarikh/Masa	Lokasi
Penerimaan	15, 16, 17, 18 dan 19 Julai 2019 8.30 pagi – 4.30 petang	Perpustakaan Politeknik METR0 Kuala Lumpur
Pemulangan	27 Julai 2019 (Sabtu) 2.00 petang – 4.00 petang	Institut Aminuddin Baki (IAB) Caw. Genting Highlands
	Pemulangan pada 29 Julai 2019 (Isnin) <b>Nota:</b> i. Caj kelewatan akan dikenakan dan dikira bermula <b>30 Julai 2019</b> dengan kadar RM30.00 sehari termasuk cuti am. ii. Kaunter di PMKL hanya dibuka pada HARI BEKERJA sahaja daripada jam 8.30 pagi - 4.30 petang.	Perpustakaan Politeknik METR0 Kuala Lumpur

5.1.5 Sila bawa bersama **cetakan slip Pengesahan Graduan** semasa hendak mengambil jubah.

5.1.6 Urusan pada waktu selain jadual yang dinyatakan **TIDAK AKAN DILAYAN**.

### **5.2 Pemulangan Jubah.**

5.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma dan transkrip anda ditahan.

5.2.3 Para graduan akan dikenakan denda sebanyak **RM30.00 sehari** sekiranya graduan gagal memulangkan jubah dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan menjelaskan bayaran tersebut juga akan menyebabkan Diploma ditahan. Sila pastikan setiap urusan hendaklah beresit.

5.2.4 Jubah yang rosak atau hilang akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM 400.00 setiap satu**.

5.2.5 Graduan hendaklah memuat turun dokumen-dokumen ini di web [www.pmkl.edu.my](http://www.pmkl.edu.my) :

- a) **Garis panduan terperinci penerimaan dan pemulangan jubah**
- b) **Borang akuan penerimaan dan pemulangan jubah**  
(lengkapkan dan bawa borang semasa mengambil jubah)
- c) **Surat Kuasa wakil untuk menerima jubah** \*sekiranya berkaitan

## **6 PERATURAN PAKAIAN GRADUAN**

Peraturan pakaian Graduan Majlis Konvokesyen 2019 adalah seperti berikut:

- 6.1 Mendaftar pada waktu yang telah ditetapkan. Penampilan diri hendaklah kemas dan bersopan sebagai graduan (berpakaian rasmi) semasa pendaftaran raptai Konvokesyen sehinggalah tamat Majlis Konvokesyen 2019.
- 6.2 Cara berpakaian untuk **graduan lelaki** adalah seperti berikut:
  - i. Memakai pakaian lengkap kebangsaan serba hitam (songkok, seluar, samping dan kasut/sepatu berwarna hitam/gelap dan berstoking)  
ATAU
  - ii. Memakai kemeja lengan panjang berwarna cerah berserta dengan tali leher, seluar panjang berwarna hitam dan **kasut bertutup/sepatu berwarna hitam/gelap dan berstoking**. \*(*Loafers/Sneakers/'DocMart' /capal adalah dilarang sama sekali*).
  - iii. Rambut hendaklah dalam keadaan kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang/berekor/berwarna-warni/mohawk tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
- 6.3 Cara berpakaian untuk **graduan perempuan** adalah seperti berikut :
  - i. Graduan perempuan, hendaklah memakai pakaian kebangsaan (baju kurung atau kebaya panjang-warna bebas) dan **berkasut bertutup berwarna hitam/gelap dan wajib bertumit 2-3 inci sahaja**. \*(*Stilettos/Sandal/Open-toedHeels/Kasut berwarna neon/warna-warni/Kasut tidak bertumit adalah dilarang sama sekali*). Bagi yang beragama Islam, hendaklah memakai **tudung berwarna hitam**. Bagi yang **bukan beragama Islam**, sekiranya berambut panjang melebihi paras bahu, sila pastikan **rambut disanggul dengan kemas dan rapi**.
  - ii. Anda **DILARANG** sama sekali memakai seluar panjang, pakaian yang tidak sopan/menjolok mata, jarang, berbelah, ketat, dan mendedahkan aurat serta menjelaskan perjalanan majlis.

## **7 PENGAMBILAN TRANSKRIP DAN DIPLOMA**

- 7.1 Para Graduan boleh mengambil Transkrip dan Diploma masing-masing pada **27 Julai 2019 (Sabtu) bermula jam 2.00 – 4.00 petang** di IAB.
- 7.2 Para Graduan hendaklah mengemukakan borang pemulangan jubah sebagai bukti semasa menuntut Transkrip dan Diploma.
- 7.3 Bagi Graduan yang tidak menghadiri majlis konvokesyen boleh menuntut Transkrip dan Diploma mereka secara:
  - i. Menuntut sendiri di Unit Peperiksaan, Politeknik METrO Kuala Lumpur dengan mengemukakan salinan slip bayaran Maybank sebagai bukti bayaran Konvo.

ATAU
  - ii. Transkrip dan Diploma yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh Unit Peperiksaan, Politeknik METrO Kuala Lumpur.

## **8 BARANG-BARANG PERSENDIRIAN**

- 8.1 Pihak PMKL tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barang peribadi.
- 8.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barang persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti beg tangan, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 8.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk telefon bimbit .

## **9. KUASA POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR**

- 9.1 **Graduan yang TIDAK MEMATUHI syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang dan BOLEH DITAHAN daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.**
- 9.2 **Sebarang keputusan mengenai larangan yang dikeluarkan adalah MUKTAMAD.**
- 9.3 Justeru itu, pihak PMKL memohon kerjasama semua graduan agar **MEMATUHI** semua peraturan yang dinyatakan menerusi garis panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

Sila rujuk portal rasmi Politeknik METrO Kuala Lumpur di [www.pmkl.edu.my](http://www.pmkl.edu.my) jika terdapat perubahan atau makluman terkini.


## **PETA, PELAN LOKASI INSTITUT AMINUDDIN BAKI & SENARAI HOTEL PENGINAPAN**

Rujuk **LAMPIRAN 1** dan **LAMPIRAN 2**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi urusetia Pengurusan Graduan di Politeknik METR0 Kuala Lumpur di talian 03-4251 8000 atau Faks 03-4251 7979


### **LAMPIRAN 1**

#### **PETA LOKASI INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN GENTING HIGHLANDS**



<https://goo.gl/maps/9NJeBLTg96vHnGkz6>

# PELAN LOKASI AUDITORIUM DATO' RAZALI ISMAIL, INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN GENTING HIGHLANDS



## **LAMPIRAN 2**

### **SENARAI HOTEL PENGINAPAN YANG BERDEKATAN**

- 1. HOTEL SRI MALAYSIA GENTING ( ~2km )**  
No. 11, Jalan Jati Satu Goh, Tong Jaya, Pahang, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 03-6100 2525
- 2. CREWZ ZTUDIO HOSTEL ( ~3km )**  
Pt 21081, Jalan Permai 2, Genting Permai Avenue, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 013-3045440
- 3. GENTING PERMAI RESORT APARTMENT ( ~3km )**  
10km, Jalan Genting Highlands, Pahang, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 03-61001046
- 4. YOUR HOTEL GENTING HIGHLANDS (~2km )**  
No. 51, Jalan Jati 1, Goh Tong Jaya, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 03-6100 2788
- 5. GENTING STRAWBERY FARM HOUSE ( ~2km )**  
No 6, Lot 3707, Jalan Jati 2 Bandar Gohtong Jaya, Pahang, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 03-6100 1126
- 6. HOTEL GOHTONG JAYA ( ~2km )**  
1/8, Jalan Jati 1, Gohtong Jaya, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel : 03-61001116
- 7. HOMESTAY GENTING HIGHLAND ( ~5km )**  
Nurizuan Homestay Genting View Resort, Genting Highlands, 69000 Genting Highlands,  
Tel: 014-291 9368
- 8. MIDHILLS AT GENTING ( ~6km )**  
Jln Meranti, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel : 1-700-81-8998
- 9. FIRST WORLD HOTEL ( ~10km )**  
Genting Highlands, 69000 Genting Highlands, Pahang  
Tel: 03-2718 1118
- 10. MY HOME HOTEL PRIMA SRI GOMBAK ( ~31km)**  
82, Jalan Prima SG 3, Prima Seri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor  
Tel: 03-6187 7055
- 11. LAVANA HOTEL ( ~35km)**  
19, Jalan Sri Selayang, Taman Sri Selayang, 68100, Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor  
Tel: 03-6178 7588

**DISEDIAKAN OLEH :**

**JK Pengurusan & Jemputan Graduan PMKL 2019**